

Dr. Mahathir akan terus berjuang sekat rejim aparteid Afrika Selatan

Oleh Rosli Ismail

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan terus memperjuangkan pelaksanaan cadangan untuk mengenakan sekatan menyeluruh ke atas rejim aparteid Afrika Selatan dalam mesyuarat ketua-ketua kerajaan Komanwel yang akan berlangsung di Vancouver, Canada mulai Selasa depan.

Dalam mesyuarat lima hari pertubuhan yang dianggotai oleh 49 negara bekas tanah jajahan British itu, Perdana Menteri juga akan mempelopori perbincangan mengenai masalah pemasaran komoditi, hubungan ekonomi yang tidak seimbang antara negara sedang membangun dan maju dan dasar perlindungan.

Selain itu beliau juga akan berusaha menarik penyertaan negara - negara anggota Komanwel untuk mengambil langkah - langkah yang konkrit dalam menangani masalah najis dadah.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Razali Ismail yang memberitahu demikian dalam sidang akhbar di pejabatnya hari ini mengenai mesyuarat itu berkata Perdana Menteri bukan sahaja akan membangkitkan perkara - perkara ini tetapi akan berusaha mencari penyelesaian ke atasnya melalui mesyuarat berkenaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir akan berlepas untuk menghadiri mesyuarat keenam ketua-ketua kerajaan Komanwel yang diadakan dua tahun sekali itu pada hari Sabtu ini.

Ini adalah kali kedua beliau mengahdirinya sejak menjadi Perdana Menteri. Kali pertama ialah pada tahun 1985 di Nassau, Bahamas.

Menurut Datuk Razali sekalipun Malaysia dikenali bersikap kritikal terhadap pertubuhan Komanwel kebela-kangan ini tetapi tetap merasakan ia boleh menjadi fo-

rum yang berkesan jika dapat bergerak cepat dalam mencari penyelesaian ke atas isu dan masalah yang bangkit.

Katanya hasrat Malaysia ialah mahu ia menjadi pertubuhan yang berkesan dan tidak menjadi arena negara - negara bekas tanah jajahan British, "mengenang zaman silam."

Menyentuh tentang mesyuarat itu Datuk Razali berkata Malaysia menganggap soal Afrika Selatan masih merupakan isu mendesak yang perlu diselesaikan segera.

Beliau menjelaskan langkah Perdana Menteri memperjuangkan soal ini dalam mesyuarat di Vancouver cuma merupakan tindakan lanjut keputusan yang dicapai di mesyuarat Nassau dulu.

Katanya Malaysia menganggap sejak mesyuarat tahun 1985 itu situasi di Afrika Selatan telah menjadi semakin buruk yang dibayangkan oleh kekacauan dan rasa tidak puas hati rakyat kulit hitam terhadap rejim Pretoria.

Dalam hubungan ini, beliau memberitahu Malaysia antara lain menyenaraikan nama-nama negara anggota yang tidak menyokong usaha untuk mengenakan sekatan menyeluruh ke atas Afrika Selatan dalam mesyuarat kali ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga, katanya akan memainkan peranan yang penting dalam usaha merumuskan bantuan - bantuan yang hendak dihulurkan kepada negara - negara Afrika yang bersempadan dengan Afrika Selatan.

Ini, katanya, adalah untuk menstabilkan keadaan di negara - negara itu seperti Mozambique, Angola, Bostwa dan lain-lain dalam menghadapi tekanan rejim Pretoria.

Mengenai Britain yang menjadi penghalang utama ke arah usaha mengenakan sekatan menyeluruh ke atas Afrika Selatan, beliau berkata adalah menjadi harapan Malaysia dan negara - negara anggota lain agar ia lebih bersikap "lembut" seperti Australia dan Canada.